

## **Tenaga Kerja Asing dan Pertumbuhan Ekonomi**

**oleh Dr Zulkipli Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Keluaran dalam negara kasar (KDNK) benar negara telah tumbuh pada kadar pertumbuhan tahunan 5.4 peratus untuk tempoh 2011-14. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK benar negara iaitu sebanyak 53.5 peratus pada tahun 2014. Sektor ini tumbuh pada kadar tahunan 6.4 peratus untuk tempoh tersebut. Sektor kedua terpenting ialah pembuatan menyumbang sebanyak 23.0 peratus untuk tempoh yang sama, diikuti oleh sektor pertanian menyumbang sebanyak 9.2 peratus kepada KDNK. Kedua-dua sektor ini tumbuh masing-masing pada kadar tahunan 4.7 peratus dan 1.6 peratus untuk tempoh 2011-14.

Sementara itu, jumlah guna tenaga di dalam pasaran buruh telah tumbuh pada kadar tahunan 3.3 peratus untuk tempoh 2011-14. Ini bermakna kadar jumlah guna tenaga tumbuh dengan lebih perlahan berbanding dengan pertumbuhan KDNK untuk tempoh tersebut. Ini merupakan suatu cabaran kepada ekonomi negara untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi sambil mencipta peluang pekerjaan.

Pertumbuhan guna tenaga yang perlahan bermakna pengeluaran negara lebih berintensif modal. Nisbah modal-buruh telah meningkat kepada RM21,760 untuk setiap pekerja pada tahun 2014 berbanding RM16,460 untuk setiap pekerja pada tahun 2011. Perkembangan ini adalah suatu yang diharapkan supaya pengeluaran negara perlu bergerak ke arah berintensif modal, yang seterusnya mampu menjana nilai tambah yang tinggi kepada ekonomi. Pada masa yang sama isu penciptaan guna tenaga yang semakin berkurangan perlu ditangani. Jika tidak negara akan menghadapi isu pengangguran yang agak sinonim dengan kebanyakan negara maju kini.

Jika dilihat dari perspektif industri, 63.1 peratus guna tenaga untuk tahun 2014 disumbangkan oleh lima industri iaitu 'perdagangan borong dan runcit, pembaikan

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

kenderaan bermotor dan motosikal' (16.8 peratus), 'pembuatan' (16.7 peratus), 'pertanian, perhutanan dan perikanan' (12.3 peratus), 'pembinaan' (9.1 peratus) dan 'penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman' (8.2 peratus). Di antara lima industri ini, 'penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman' dan 'pertanian, perhutanan dan perikanan' tumbuh paling pantas untuk tempoh 2011-14, masing-masing pada kadar 5.7 dan 5.6 peratus setahun. Ini bermakna kedua-dua industri ini menyediakan banyak peluang pekerjaan.

Dalam pada itu, 13.0 peratus atau lebih kurang 1.8 juta daripada tenaga kerja di Malaysia adalah terdiri dari pekerja asing. Satu pertiga daripada pekerja di dalam industri pertanian dan hampir 20 peratus pekerja di dalam industri 'penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman' terdiri dari pekerja asing. Ini bermakna agak banyak dari peluang pekerjaan yang dicipta oleh ekonomi di kecapai oleh pekerja asing.

Kemasukan pekerja asing ke dalam negara tertumpu kepada pekerjaan berkemahiran rendah dan separa mahir. Satu kajian oleh Bank Dunia merumuskan bahawa setiap 10 peratus kemasukan pekerja asing berkemahiran rendah ke dalam ekonomi Malaysia menaikkan KDNK benar sebanyak 1.1 peratus. Mengikut laporan Bank Dunia juga, setiap 10 orang tambahan pekerja asing berkemahiran rendah akan mencipta 5.2 peluang pekerjaan berkemahiran kepada warganegara. Namun demikian, kemasukan pekerja asing ini akan mengurangkan peluang pekerjaan untuk warganegara yang tidak mempunyai kemahiran.

Ini bermakna kehadiran pekerja asing yang berkemahiran rendah adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi negara dengan struktur pengeluaran yang ada sekarang. Dengan kata lain, Malaysia boleh terus mengekalkan struktur ekonomi semasa melalui dua pendekatan. Pertama, terus bergantung kepada pekerja asing berkemahiran rendah untuk pertumbuhan ekonomi. Jika langkah ini diteruskan, cabaran utama adalah untuk meningkatkan kemahiran pekerja kurang mahir tempatan agar mampu merebut peluang pekerjaan yang dicipta.

Pendekatan kedua adalah dengan meningkatkan gaji untuk pekerja berkemahiran rendah tempatan. Dengan ini pekerja tempatan sanggup mengambil alih pekerjaan

'kotor dan bahaya' dari pekerja asing. Pendekatan ini baik jika dilihat dari sudut kebergantungan kepada pekerja asing adalah tidak mapan untuk jangka panjang. Namun demikian, pendekatan ini akan meningkatkan kos pengeluaran dan Malaysia akhirnya menjadi kurang berdaya saing dengan struktur ekonomi semasa.

Perlu diingat lain-lain ekonomi, terutama di kalangan negara-negara ASEAN, juga berupaya untuk meniru model pengeluaran negara. Dengan kos buruh yang lebih rendah, akhirnya mereka mampu menandingi kelebihan bandingan Malaysia. Jika ini berlaku, akhirnya proses pengeluaran negara tergugat dan seterusnya melembabkan pertumbuhan ekonomi. Justeru, peluang pekerjaan akan terhakis.

Jelas, pendekatan pertama adalah lebih baik untuk jangka panjang. Pergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah perlu diteruskan sambil beransur-ansur meningkatkan kemahiran pekerja kurang mahir tempatan. Dalam pada itu proses pengeluaran juga perlu beransur-ansur beralih kearah berintensifkan modal dan teknologi, yang dengan sendirinya mengurangkan keperluan pekerja kurang mahir. Ini bukan sahaja mampu meningkatkan nilai tambah kepada pengeluaran negara, malah pergantungan kepada pekerja asing boleh dikurangkan.

Walau bagaimanapun, pergantungan kepada tenaga kerja asing yang tinggi di dalam beberapa industri penting perlu diberi perhatian serius untuk masa terdekat, terutama untuk sektor pertanian, perhotelan dan restoran. Permodenan sektor pertanian perlu diberi keutamaan, seperti peningkatan mekanisasi dan perniagaantani. Ungkapan 'pertanian sebagai perniagaan' perlu direalisasikan. Ini mungkin dicapai dengan menggabungkan konsep 'petani sebagai pekerjaan'. Dengan ini pelajar-pelajar berkelulusan peringkat tertiar perlu menerima cabaran untuk menceburkan diri didalam bidang pertanian termasuk diperingkat pengeluaran atau hulu.

Pergantungan kepada pekerja asing di sektor perhotelan dan restoran juga perlu diberi perhatian segera. Kebanyakan pekerjaan di dalam sektor ini boleh dianggap bukan berbentuk 'kotor dan bahaya'. Perancangan perlu digubal untuk menggalakkan tenaga kerja tempatan menceburkan diri di dalam bidang ini, sambil mengurangkan keperluan pekerja asing. Berdasarkan arah aliran negara-negara maju, sektor ini banyak bergantung kepada pekerja sambilan terutama dari kalangan pelajar-pelajar institusi

pengajian tinggi. Strategi ini mungkin boleh diguna pakai, yang bukan sahaja mampu mengurangkan pergantungan kepada buruh asing, malahan mampu juga membantu menangani peningkatan kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat pada masa kini.